

SIRI KULIAH RASAEI- AN-NUR

MUNAJAT

OLEH

BEDIUZ ZAMAN SAEID AN-NURSI

TERJEMAHAN

HJ IBNOR AZLI IBRAHIM

Aku dapat perhatikan melalui pelajaran dari Al-QuranMu dan didikan RasulMu yang mulia bahawasanya:

Sepertimana sekalian langit dan bintang-bintang naik saksi atas kewujudan dan keesaanMu, maka ruang angkasa juga bersaksi atas kewujudanMu dan keesaanMu yang pasti dengan gerakan awannya, kilat guruhnya, petirnya, tiupan anginnya dan siraman hujannya.

Benarlah! .. sesungguhnya menggerakkan awan yang beku tanpa dirasa dan penurunan hujan yang memberi kehidupan merupakan suntikan hayat untuk sekalian yang hidup. Kesemuanya itu berlaku dengan rahmat dan kenikmatanMu. Tiada ruang untuk menanggapi bahawa ia adalah satu kebetulan.

Demikian jugalah kilat guruh yang merupakan tenaga kuasa elektrik yang mega telah memberi faedah cahaya untuk kehidupan. KekuasaanMu yang utuh telah menyinari angkasa dalam bentuk yang paling rapi.

Demikianlah juga petir yang memberi peringatan tentang kehadiran hujan, ia menuturkan tasbih bagi pihak angkasa, ia memenuhi segenap pelusuk langit, bertasbih dan bertaqdis kepadaMu. Mereka bersaksi atas RububiyahMu dengan setiap gerakan dan perbuatan.

Demikian juga, angin yang dikerah untuk melaksana berbagai tugas antaranya: membawa rezeki untuk makhluk yang hidup, rezeki yang dibawanya adalah yang paling mudah dinikmati dan faedahnya pula amat besar. Ia menyegarkan pernafasan dan merehatkan jiwa-jiwa dan makhluk lain. Ini semua menunjukkan kemampuan dan kekuasaan qudratMu, ia juga menjadi saksi atas kewujudanMu dengan menyilihgantikan udara kerana suatu hikmah - Seolah-olah ada papan tulis yang boleh ditulis dan dipadam. Apa yang dikehendaki boleh ditulis dan apa yang tidak disenangi boleh pula dipadamkan.

Sepertimana juga "rahmat" iaitu hujan yang bercucuran dengan rahmatMu melalui awan yang berarak-arak membawa rezeki untuk kehidupan, ia bersaksi juga atas kekuasaan rahmatMu dan rasa belasMu kepada makhluk. Melalui titisan airnya yang segar, lembut dan sekata.

*Ya Musarrif, Ya Fa'al, Ya Fayyadh, Ya Mufa'al*¹ .

Sepertimana awan, guruh kilat, petir, angin dan hujan telah bersaksi – secara berasingan – atas wajibnya kewujudanMu, maka keseluruhan makhluk ini adalah merupakan ayat dan petanda yang nyata atas keesaanMu dan ketunggalanMu melalui ciri-ciri persepakatan untuk hidup bersama, bertaut rapat untuk kukuh mengukuh sesama lain; meskipun mereka berlainan jenis, berlainan kejadian dan bentuk rupa.

Sepertimana objek-objek angkasa ini bersaksi atas ketuhananMu dan ketinggian RububiyyahMu yang telah menciptakan angkasaraya yang menyimpan koleksi yang amat menakjubkan. Ia boleh mengisi ruang angkasa atau mengosongkannya beberapa kali dan mengisinya dalam tempoh satu hari. Ia bersaksi atas keagungan qudratMu yang menguruskan setiap sesuatu lagi menyeluruh ke atas setiap makhluk.

CiptaanMu di angkasa inilah yang telah menulis dada angkasaMu yang amat luas dan menukarkannya menjadi "papan tulis", ia menghasilkan (ribut taufan) perahan hujan yang membasahi kegersangan bumi dengan air yang segar... tambahan lagi, ia merupakan bukti kekuasaan rahmatMu dan kerajaanMu dan penguasaan kedua-dua perkara ini dalam segala perkara. Kedua-dua perkara inilah (rahmat dan kerajaan Allah) yang mengurus muka bumi dan makhluk seluruhnya di bawah lapisan angkasa.

Udara yang naik ke angkasa digunakan untuk berbagai tugas dan aktiviti dengan penuh hikmah yang mantap.. awan mendung dan hujan digunakan untuk faedah yang berbagai dengan berasaskan ilmu... jika tanpa ilmu yang menyeluruh dan hikmah yang syumul mana mungkin ia boleh dikerahkan sedemikian rupa.

Ya Fa'alun lima yurid

Sesungguhnya angkasa menggambarkan contoh mahsyar dan qiamat pada setiap masa melalui perbuatanMu di ruang angkasaraya. Juga, penukaran musim panas ke musim sejuk dan sebaliknya dalam tempoh sejam, Kau datangkan satu kehidupan dan Kau

¹ Nama-nama Allah yang bermaksud: Musarrif: pentadbir; Fa'al: mampu melakukan sesuatu; Fayyadh: pemberi limpahan rahmat; Muta'al: Maha tinggi.

lenyapkan kehidupan yang lain pula. Kesemua ini dan seumpamanya adalah hal ehwal kekuasaanMu yang terserlah ia menunjukkan bahawa Kau akan menukar dunia ini dengan kehidupan akhirat. Di situ akan ternyata kehidupan yang berkekalan di akhirat.

Ya Qadiir, Ya Zal Jalal.

Sesungguhnya udara, angin, awan, hujan, kilat guruh, petir di dada langit adalah dikerahkan dan dipermudah di bawah kerajaanMu ia bergerak di bawah perintah dan kuasaMu dengan kekuatan dan qudratMu.

Semua makhluk di angkasa tersebut meskipun berjauhan di sudut rupa bentuknya dan ciptaanNya. Namun tetap bertasbih memuji pemerintahnya dan memuja penguasanya yang telah menjadikan mereka tunduk patuh dengan arahan-arahan yang segera – lalu dengan amat pantas mereka melakukannya .

Wahai Pencipta bumi..., Wahai Pencipta langit, Ya Zal Jalal.

Sesungguhnya aku telah beriman, aku juga telah mengetahui melalui didikan al-QuranMu yang berhikmah dan melalui didikan RasulMu yang mulia bahawa:-

Sekalian langit dan bintang-bintangnya, angkasa dan sekalian isinya bersaksi atas kewajipan wujudMu dan keesaanMu. Demikian juga bumi ini dengan sekalian makhluk yang melata di atasnya, setiap perubahan cuaca dan musimnya. Kesemuanya itu bersaksi dan memberi bukti dengan segala perintah apa yang ada di dalam dan di atasnya tentang kewujudan dan keesaanMu.

Ya..! Semua perubahan di bumi, perubahan pada pepohonannya, haiwan-haiwannya dan perubahan musim tahunannya, keseluruhan atau sebahagiannya dengan sistem dan peraturannya yang tetap adalah menunjukkan kepada kewujudan dan keesaanMu.

Tiada seekor haiwan pun melainkan bersaksi atas kewujudan dan keesaanMu melalui rezeki yang disalurkan kepadanya dengan rahmatMu, juga melalui segenap anggota tubuhnya dalam meneruskan kehidupan. Anggota tubuhnya itu pula telah dibekalkan

kepadanya dengan penuh hikmah. Setiap satu mengikut kepada kelemahan dan keperluannya.

Kesemua tumbuhan dan haiwan yang anda lihat di musim bunga adalah untuk memperkenalkan kepada anda tentang ciptaanNya yang menakjubkan dan hiasan ciptaannya yang indah dan kelebihannya yang sempurna dengan sistem dan keseimbangannya yang unik. Ia menciptakan sekalian makhluk yang memenuhi muka bumi ini sebagai mukjizat qudratnya yang berupa tumbuhan dan haiwan, sel telur dan bijirin, titisan air, sperma, biji benih dan bijirin meskipun materialnya terhad dan bentuknya bersamaan. Mereka tetap merupakan makhluk yang sempurna kejadian, dilengkapi hiasan yang indah, mempunyai kelebihan masing-masing yang berbeza. Ini merupakan kesaksian yang kukuh terhadap kewujudan penciptanya yang memiliki hikmah yang tinggi, lebih terang dari cahaya mentari, dan petunjuk terhadap keesaannya, hikmahnya dan qudratnya yang mutlak.

Setiap unsur angin, air, cahaya, api dan tanah semuanya bersaksi terhadap keesaan dan terhadap kewujudanNya. Kesaksian itu diperlihatkan dengan tugas yang dijalankan secara berasingan dengan penuh perasaan meskipun mereka tiada mempunyai perasaan. Merekalah yang menghasilkan buah-buahan dan hasilan yang berbagai jenis dan rupa, dari khazanah ghaib, meskipun sifat mereka begitu ringkas dan kadang-kadang mencabar antara satu sama lain, mereka juga tidak mempunyai sistem yang tertentu disamping mereka bertaburan di tempat yang berlainan.

Ya Fathir, Ya Qadir, Ya Fattah, Ya A'llam, Ya Fa'al, Ya Khallaq.

Sepertimana bumi bersaksi beserta seluruh penghuninya terhadap kewujudan penciptaNya, maka ia juga bersaksi terhadap keesaanMu dan KeahadanMu.

Ya Wahid, Ya Ahad, Ya Hannan, Ya Mannan, Ya Wahab, Ya Razzaq...

Bumi bersaksi dengan sebanyak garisan dipermukaannya dan garisan diwajah penghuninya dan dengan segala kesepakatan, kesatuan, kerjasama, dan keserasian antara sesama penghuninya di sudut kesatuan *asma'* dan *afa'all rububiyah* yang memerhati ke

arah mereka....melalui semua ini bumi bersaksi secara langsung bahkan dengan sebilangan makhlukMu yang wujud.. terhadap keesaan dan keahadanMu.

Demikianlah ia seumpama kem tentera atau padang latihan yang telah dilengkapkan dengan berbagai peralatan yang membentuk lebih dari 400,000 umat yang berbagai yang dikelompokkan dalam berbagai jenis tumbuhan dan haiwan. Sepertimana bumi ini adalah bukti RububiyahMu dan bukti kuasaMu yang ampuh dan melaksana pada setiap sesuatu. Maka demikian juga rezeki-rezeki yang berbagai yang disediakan untuk makhluk yang hidup tanpa had. Ia tumbuh dari tanah yang kering dan kompleks. Rezeki ini ditaburkan dengan penuh kemuliaan dan rahmat kepada setiap yang hidup tepat pada masanya.

Kepatuhan setiap individu itu pula tiada sempadan dan kepatuhan itu adalah dengan sepenuh jiwa terhadap arahanMu. Kesyumulan rahmatMu melimpah terhadap sekalian makhluk dan kerajaanMu meliputi segala sesuatu.

Demikianlah kerajaanMU menguruskan perkumpulan makhluk yang sentiasa terdedah kepada perubahan dan percambahan di muka bumi, mereka yang sentiasa menghadapi pergantian hidup dan mati. Mentadbir dan mengurus haiwan dan tumbuhan yang tidak mungkin dijayakan melainkan dengan ilmu yang luas, dan dengan hikmah yang tidak terbatas yang boleh menguasai setiap perkara. Ini semua menunjukkan kepada keluasan ilmu dan hikmahMu.

Kesemua kepentingan besar ini, antaranya usaha dan tindak tanduk yang tiada had adalah jelmaan RububiyahNya yang mutlak (mengatasi segala kuasa), ucapan tasbih yang tiada batasan, ihsan ketuhanan yang luas terhadap manusia yang menggunakan sekalian makhluk di bumi ini sedangkan ia dibebankan dengan tugas yang berat dan berbagai dalam tempoh yang terbatas pula, mereka dibekalkan dengan persediaan dan peralatan maknawi yang membolehkan mereka hidup berpanjangan dalam tempoh waktu yang tidak lagi berpenghujung (akhirat).

Tidak mustahil bahawa ia bukan sekadar kehidupan di dunia atau hamparan bumi yang sementara ini, atau di pentas alam fana ini, ia juga tidak terhad dalam tempoh umur pendek yang penuh dengan perkataan kesedihan ini, ia bukan juga sekadar dalam hidup yang penuh kekalutan ini, bukan dalam alam fana yang penuh dengan ujian dan bala ini,

bahkan kesemua ini, tidak syak lagi menunjukkan kepada umur lain yang kekal abadi, kebahagiaan yang kekal berlangsung tanpa hujung. Ia juga menunjukkan kepada kebajikan akhirat di alam baqa' bahkan kesemua ini bersaksi terhadapnya.

Wahai Zat pencipta sekalian makhluk!!!

Sesungguhnya semua makhluk di atas muka bumi ini ditadbir untuk tunduk di bawah penguasaanMu, di atas bumiMu dan dengan kuasa dan kekuatanMu.. dengan qudratMu dan kehendakMu, dengan ilmu dan hikmahMu.. sifat Rububiyah Allah itu terserlah di atas muka bumi ini untuk menunjukkan kesempurnaanNya dan menyeluruhnya (rahmat rububiyahNya itu). Ini kerana pengurusan, pentadbiran dan didikan rububiyahNya yang cukup seni dan berada di kemuncak kesempurnaan. Urusannya yang terdapat di sana sini mempunyai pernyataan dan penyatuan dan hampir-hampir sama demi menunjukkan sifat ketuhanan dan tindakan-tindakan Allah yang tidak berpihak dan tidak tercaing-caing, ia merupakan hukum umum yang tidak boleh di belah bahagi.

Bumi ini bertasbih dan menyucikan penciptaNya beserta seluruh isinya dengan lidah yang tiada tersekat dan fasih malah lebih petah dari lidah hakiki. Ia memuji pemberi rezekinya yang agung dan memujanya dengan tindakan (lisanul hal) sebanyak nikmatnya yang tiada terhitung dan ternilai..

Maha suci Mu wahai Zat yang tersembunyi tetapi amat jelas, maha suciMu wahai Zat yang terlindung dengan kehebatan kibriya'Mu.

Aku mentaqdis zat Mu dan bertasbih dengan taqdisan bumi seluruhnya dari sekalian kekurangan, kelemahan dan dari unsur syirik. Aku memujiMu dan memujaMu dengan segala tahmid bumi ini dan seluruh pujian isinya terhadapMu.

Wahai Tuhan Daratan dan Lautan..

Aku telah pelajari dari didikan Al Quran dan bimbingan RasulMu yang mulia bahawa: Langit, angkasa dan bumi bersaksi atas keesaanMu dan atas kewujudanMu.. lautan dan sungai-sungai, talian air, mata air, juga bersaksi – secara langsung – atas kewujudanMu dan keesaanMu yang pasti.

Ya... kesemua makhluk yang ganjil dan pelik yang telah diutuskan Allah akan rezekinya dengan sempurna walau atas sekumpul pasir dan secebok air.. kesemua haiwan di laut dengan kesempurnaan penciptaanNya khususnya ikan yang telah menjadi penghias laut. Yang telah menghasilkan ratusan ribu benih... kesemua mereka ini penunjuk kepada penciptaNya dan bersaksi kepada pemberi rezekinya melalui kejadian dan penciptaannya, tugas dan tanggungjawabnya, pengurusannya, kehidupan hariannya, pentadbiran dirinya dan pendidikan hidupnya.

Demikian juga sekian yang di dalam lautan, mutiara dan permata berlian yang menjadi perhiasan berharga, dengan ciri-cirinya yang unik dan ciptaanNya yang sungguh indah menawan dan memberi manfaat pula.

Ya, sepertimana sebutir permata bersaksi demikian pula segugus permata-permata juga turut bersaksi terhadap keesaanMu. Gugusan atau rangkaian permata bercampur, mesra, serasi dalam satu kalungan.. ia mudah diwujudkan oleh Allah dan amat banyak pula jenisnya.

Sesungguhnya kejadian laut yang terbentang luas di bumi yang tergantung ke langit (tanpa tali) beserta daratan yang amat luas. Bola bumi ini terapung mengelilingi matahari tanpa tertumpah dan tidak terlerai. Tidak juga ia melimpah dan memenuhi kawasan yang kering. Haiwan-haiwan yang diciptakan di atas bumi ini pula penuh teratur dan berbagai jenis pula. Permatanya tercipta antara pasir dan airnya yang terhampar. Rezeki sekalian makhluknya di bumi ini dan urusan hidup mereka adalah terurus dengan baik tanpa ada yang terkecuali.. permukaan bumi ini sentiasa di cuci dan dibersihkan dari sekalian bangkai yang tidak terkira banyaknya secara semulajadi.. kesemua ini bersaksi akan kewujudanMu dan sememangnya zat Mu *wajibul wujud*.

Kesemua ini juga memberi petunjuk yang jelas dan nyata terhadap keagungan pemerintahan rububiyahMu, juga terhadap kebesaran qudratMu yang meliputi segala-galanya. Ia juga menunjukkan kepada keluasan rahmat, dan kekuasaannya yang luas lagi mutlak yang menguasai seluruh maya pada ini. KuasaMulah yang menyuntik kekuatan kepada seluruh makhluk ini bermula dari bintang-bintang gergasi yang bergerak tersusun di kubah langit sehinggalah kepada anak-anak ikan yang hidup tersusun di dasar laut.

Kesemua ini menunjukkan keilmuanmu yang meliputi setiap sesuatu dan hikmahmu yang menyeluruh ke atas semua makhluk dengan susunannya yang rapi, faedahnya tidak terhitung, hikmahnya amat agung, keseimbangan ciptaanNya sungguh mengagumkan.

Sesungguhnya lautan rahmat seumpama ini adalah untuk insan yang datang menjadi tetamu ke dunia dan menundukkan makhluk lain untuk berkhidmat kepadanya dalam pengembaraannya, kapal-kapalnya disamping memperoleh manfaat-manfaat yang lain. Ia menunjukkan bahawa zat yang memuliakan tetamu dalam satu malam di bilik mewah ketika di tengah perjalanannya ini, sudah pasti Dia telah menyediakan lautan rahmat yang kekal abadi di bawah naungan kesultanannya nanti yang kekal abadi juga.. apa yang dilihat dan yang disaksikan di dunia ini merupakan cebisan halus dari rahmatnya yang maha luas di alam abadi. Sedangkan nikmat yang terdapat di dunia ini tiadalah berkekalan.

Demikian, penciptaan lautan dengan rekabentuk dan rekaletak yang unik dan menakjubkan di permukaan bumi disamping pengurusan terhadap kehidupan makhluknya di bumi menunjukkan secara langsung bahawa semuanya ini tunduk berkhidmat di bawah kerajaanMu. Dengan perintah, dengan kekuatanMu, dan qudratMu, dengan pentadbiran dan urusan tersendiri. Maka semua makhluk ini mensucikan zat penciptanya melalui perbuatan (*lisanulhal*) dengan menyebut:

Allahu akhbar, Ya Qadi, Ya Zal Jalal

Wahai yang menjadikan gunung ganang sebagai pasak bumi dan mempunyai khazanah bumi yang hebat untuk meneruskan perjalanan bumi ini.

Telah ku ketahui melalui ajaran dan didikan nabiMu yang mulia, juga melalui bimbingan al-QuranMu yang berhikmah:

Sepertimana segenap lautan kenal akan dikau dan memperkenalkan zat engkau kepada kami melalui keindahan dan keunikannya, demikian pulalah halnya bukit bukau dan gunung ganang melalui khidmat dan hikmahnya, bukit bukaulah yang menyokong keutuhan bumi dan mengimbangi kesan gempa yang membawa kehancuran. Ia

menteramkan bumi hasil dari goncangan dan pergerakan perut bumi. Ia menyelamatkan bumi dari limpahan air laut dan dari ribut taufannya.

Ia juga menyucikan udara dari sebarang bentuk gas beracun yang memudaratkan dengan cara memelihara simpanan air, ia juga menyimpan khazanah galian yang diperlukan oleh manusia.

Ya! Kesemua jenis batu-batan di pergunungan, kesemua bahan yang boleh mengubati penyakit di pergunungan, kesemua galian yang berbagai jenisnya, yang amat diperlukan oleh manusia, sekalian tumbuhan yang berbunga dan berbuah di pergunungan.

Kesemua mereka bersaksi secara langsung atas kebenaran wujudnya pencipta yang mempunyai kuasa yang amat agung, mempunyai kemurahan yang amat luar biasa tiada tolok bandingnya. Ini terbukti dengan ciptaannya yang penuh teratur dan penuh hikmah dan faedah. Kesemua ini tak mungkin terjadi secara kebetulan. Kenapa tidak? Sedangkan galian ini rasanya amat berbeza, meskipun ia hampir serupa, khususnya dalam bahan galian seperti garam dengan rasa masam pada limau, rasa sulfat dengan rasa tumbuhan shab (*marvel of Peru*), begitu juga tumbuhan yang berbagai jenis yang tumbuh dari buah yang kompleks dengan bunga-bunga dan buah-buah yang berbagai juga.

Lebih-lebih lagi ia bersaksi atas ketunggalan dan keesaan Allah itu melalui organisasi umumnya.. pentadbiran dan penguasaan yang bersepadu, tempat berlindung dan tempat tinggal yang sama, penguasaan yang seragam terhadap alam masing-masing, beserta kemudahan dan kecepatan kejadian yang sama.

Demikian,.. sesungguhnya penciptaanMu terhadap setiap jenis makhluk yang ada di atas gunung ganang dan di dalamnya, yang bertaburan di setiap penjuru bumi. Penciptaannya dalam satu masa dan di tempat yang sama tanpa sebarang kesilapan dan tanpa bercampur aduk, meskipun mereka bercampur dan berselang seli sesama sendiri. Mereka diciptakan dengan penuh kesempurnaan dan begitu pantas tanpa ada ciptaan itu yang tertangguh. Kesemua ini menunjukkan kepada kehebatan RububiyahMu dan kebesaran qudratMu yang tak mampu dicabar oleh mana-mana kuasa.

Demikianlah.. permukaan gunung ganang yang dipenuhi dengan tumbuhan dan pokok-pokok dan perutnya pula dipenuhi dengan galian yang tersusun rapi. Dia boleh digunakan untuk keperluan kehidupan makhluk yang lain.. bahkan dalam mengubat penyakit yang berbagai, rasanya juga bermacam-macam. Menunjukkan kepada kekuasaan rahmat dan pemerintahannya.

Demikianlah.. mengeluarkan benda yang bersembunyi dan bercampur aduk dari perut bumi yang gelap dan berlapis-lapis dengan penuh terancang dengan ilmu dan kepandaian tanpa ada kebingungan.. sekadar keperluan.. menunjukkan kehebatan ilmuMu yang meliputi segala sesuatu, juga terhadap hikmahMu yang rapi terhadap segala sesuatu dan ia meliputi sekalian perkara.

Demikian.. menjadikan ubat ubatan dan menyimpan bahan-bahan galian di perut bumi. Ini jelas menunjukkan betapa kemasnya urusan tadbiran RububiyahMu yang penyayang dan pemurah, yang melimpah ruah kelembutan dan seninya. Ia juga menunjukkan khazanah *inayah*Mu terhadap makhluk.

Demikian.. gunung ganang yang tersergam indah dijadikan stor-stor tempat simpanan harta-harta yang menjadi keperluan hidup para tetamu yang terus mendatang untuk bertamu di muka bumi ini.. untuk menjaga kepentingan kehidupan mereka di masa akan datang.

Kesemua ini bukan sahaja memberi petunjuk, bahkan bersaksi bahawa penciptanya memiliki kemurahan yang luas seperti yang kita saksikan. Dia maha mulia, maha berhikmah, maha lemah lembut, maha berkuasa dan maha mendidik..

Sudah pasti Dia memiliki khazanah abadi sebagai tanda-tanda kebesarannya yang abadi juga.. di alam abadi untuk para musafir dan para tetamu yang Dia kasihi dan cintai... ketika itu bintang-bintang akan menjalankan tugas di sana sama sepertimana gunung ganang menjalankan tugasnya di sini.

Wahai zat yang berkuasa atas segala sesuatu.

Sesungguhnya gunung ganang dan apa sahaja makhluk tunduk patuh dan terkawal rapi di bawah kuasaMu. Dengan kekuatan dan qudratMu, dengan ilmu dan hikmatnya, ia sentiasa bertasbih dan mensucikan Penciptanya yang telah mendidiknya dan menjadikan arahan Allah dipatuhi dan mereka berkhidmat sedemikian rupa.

*Ya Khaliq.. Ya Rahman..
Ya Rabbi.. Ya Rahim..*

Telah ku ketahui melalui didikan Rasulmu yang mulia dan bimbingan al QuranMu yang penuh hikmah bahawa:

Sepertimana langit, angkasa, bumi, lautan, gunung ganang mengenaliMu dan memperkenalkan zatMu kepada kami dengan segala makhluk yang terkandung di dalamnya maka demikian jugalah pokok-pokok dan tumbuhan di bumi ini mengenali zatMu dan memperkenalkannya kepada makhluk lain tanpa hujah lisan (secara terus), tetapi melalui daunannya, bunga-bunga dan buah –buahannya.

Setiap helaian daun pokok-pokok tersebut meriah dengan zikrullah dan kerinduan.. setiap bunga-bunganya yang bergantian menyerlahkan nama-nama Allah yang mulia (أسماء الله الحسنى) melalui perhiasannya yang indah itu. Setiap buah-buahannya pula menguntum senyuman dengan penuh kelembutan melalui cucuran rahmat Allah pada kelopaknya.

Kesemua ini menyaksikan melalui susunan dalam penciptaannya yang luarbiasa, melalui neraca kejadiannya yang terdapat dalam susunan tadi, melalui perhiasan yang terdapat di dalam neraca tersebut pula, melalui lakaran yang terdapat di dalam ukiran seninya.. melalui bauan harum yang berbagai yang bercampur dengan ukiran tersebut.. melalui rasa buah-buahannya yang berbeza.

Kesemua ini bersaksi atas kewujudan pencipta yang rahmat dan kemurahannya tiada penghujung..ini semua tidak boleh dianggap kebetulan.

Demikian semua ini berlaku pada setiap makhluk. Sekelian pokok-pokok dan tumbuhan sama-sama bersaksi secara langsung atas keesaan penciptanya.. melalui kesatuan mereka, kemufakatan mereka dan rasa bersama antara mereka yang melata di muka bumi...

keseluruhannya. Dengan penciptaan mereka yang seiras dan hampir serupa.. dengan ikatan yang satu dalam pentadbiran dan pengurusan.. permuafakatan mereka terhadap perkara yang berkait dengan perbuatan Allah yang menjadikan sesuatu dan nama-nama Allah.. dan dengan pentadbiran makhluk yang tiada had terhadap 100,000 jenis makhluk yang bercampur aduk dalam satu pentadbiran dan pengurusan secara langsung tanpa ada kebingunan, persoalan dan kesilapan.

Sepertimana kesemua itu tadi mempersaksikan tentang sifat wujudmu dan keesaanmu. Maka memperlengkapkan kehidupan dan urusan makhluk yang begitu banyak dari jenis makhluk yang hidup ini seumpama ketumbukkan tentera yang terbentuk dari 400,000 umat di atas muka bumi dalam satu pengurusan yang amat mantap dan halus dengan ratusan ribu rupa bentuk kehidupan dan urusan. Kesemuanya diatur tanpa ada kecuaiian dan kesilapan.

Kesemua ini menunjukkan kepada ketinggianMu, RububiyahMu, dan KemegahanMu dalam keesaanMu. Ia juga menunjukkan kepada keagungan qudratMu yang telah menciptakan musim bunga yang dibanjiri bunga-bunga dan kaitannya dengan berbagai sempena.

Ini semua menunjukan secara *qat'ie* terhadap keluasan rahmatmu yang mutlak yang telah menyediakan berbagai jenis makanan yang beraneka rasa dan tiada terhitung.. ia disajikan untuk haiwan dan binatang tanpa disukat. Ia juga di hidangkan kepada manusia di segenap pelusuk bumi yang luas ini.

Aturan semua urusan ini, samada urusan pemberian nikmat, urusan berbagai bentuk tadbiran, urusan untuk mempermudah acara kehidupan. Sesungguhnya ia juga tiada terbatas.. bahkan penuh kesempurnaan. Kesemua ini menunjukkan secara *qat'ie* tentang keluasan pemerintahan mutlakMu.

Sesungguhnya apabila setiap helai daun, kumtuman bunga, buah-buahan, dahan-dahan, ranting-ranting dan setiap pokok dan tumbuhan melakukan tugas secara sedar dan tahu bersesuaian dengan keperluan, faedah, kepentingan dan hikmah, maka ia menunjukkan penguasaan ilmuMu atas setiap sesuatu, dan kekuatan hikmahmu yang jelas meliputi segenap ruang... Ia juga diserlahkan oleh dedahan dan ranting pokok-pokok tersebut yang

tiada terhitung.. kesemua anggotanya memuji dengan bahasanya yang tiada terhitung tentang keindahan ciptaanmu yang berada di puncak kesempurnaan.. mereka juga memujimu atas kesempurnaan nikmatmu yang terjulang di kemuncak keindahan..

Demikianlah.. semua *ihsan* yang amat berharga, nikmat-nikmatnya yang bernilai dan dikecapi oleh seluruh makhluk, agihan nikmat dan kemurahan yang tiada terbatas ini sampai kepada kita melalui jemari pepohonan dan tumbuhan yang terdapat di dunia fana dan sementara ini dalam tempoh dan umur yang singkat.

Ini memberi petunjuk kepada kita bahkan satu penyaksian bahawa sifat (*al-Rahim*) mempunyai kekuatan dan kemurahan yang telah memberikan para tetamunya semua rahmat ini. Lantas, dia telah menyediakan pepohonan yang berbuah dan tumbuhan yang berbunga berkekalan sempena kekekalan syurga yang abadi. Ia diciptakan di alam yang kekal dalam kerajaan Allah yang kekal abadi untuk hamba-hambanya yang akan dikekalkan sebagai penghuni di sana.

Kesemua ini diciptakan demi suatu hikmah iaitu: supaya apa sahaja yang telah Allah sediakan dari sekalian kemudahan dan tanda-tanda kebesaran yang bertujuan untuk menjadikan manusia berkasih sayang dan saling mengenali tidak bertukar menjadi sebaliknya.

Ia juga untuk mengelakkan sekalian makhluk berasa kesal dan berkata "Allah telah memberikan nikmat-nikmat itu kepada kami tetapi Dia telah mematikan kami sebelum kami merasainya".

Ia juga adalah untuk mengelakkan kewibawaan ketuhanan Allah tercemar..

Ia juga untuk membendung keingkaran terhadap rahmatnya yang amat luas...

Ia juga untuk mengelakkan kekasih-kekasihnya yang amat mencintai dan merindunya bertukar menjadi musuh akibat dari sekatan nikmat ini.

Demi sesungguhnya... Dia telah menyediakan khazanah rahmat yang berkekalan di dalam syurganya yang kekal abadi. Apa yang kita rasa dan lihat di dunia ini hanyalah sementara. Ia seumpama "barangan contoh yang dipamerkan untuk pelanggan yang berminat".

Sepertimana pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan kesemuanya mengagung dan mensucikan zatMu dan memuji-mujiMu melalui dedaunnya, kuntuman-kuntuman bunganya dan buah-buahnya, maka setiap kalimat yang terungkap itu sendiri juga turut mensucikan zatMu.. khususnya penciptaan Allah terhadap buah-buahan.. ciptaan itu amat seni. Rasanya berbagai-bagai, bentuknya menakjubkan.. biji-bijinya memersona.. hidangan makanan ini diletakkan di ranting-ranting pokok dan dahannya.. atau di atas tumbuhan renek.. ia dihidang kepada tetamu yang hadir, dari berbagai makhluk yang hidup. Tasbih mereka yang berupa perlakuan dan kehidupan semulajadinya telah diletakkan oleh Allah setaraf dengan *lisal al maqal* (tasbih dengan lafaz).

Kesemua mereka itu tunduk patuh serta dimanfaatkan untuk makhluk lain di bawah pemerintahanMu, qudratMu, kekuatanMu, iradatMu, ihsanMu, rahmatMu, dan hikmahMu. Semua mereka tunduk patuh terhadap setiap titah perintahMu.

Wahai Zat yang terselindung tetapi nyata.. Wahai Zat yang terhibab di sebalik kebesaran dan keagungan "kibriya'nya".

Ya Sani', Ya Hakim, Ya Khaliq, Ya Rahim..

Sesungguhnya aku memujimu, mensucikan zatmu dari setiap kelalaian, kelemahan dan syirik.. beserta ungkapan setiap pokok-pokok dan tumbuhan, lafaz setiap dedaun, bunga-bunga dan buah-buahan seisi dunianya.

Ya Fatir, Ya Qadir, Ya Mudabbir, Ya Hakim, Ya Murabbi, Ya Rahim..

Sesungguhnya aku telah mengetahui melalui didikan RasulMu yang mulia dan bimbingan Al-Quran yang penuh hikmah lalu aku beriman bahawa:

Sekalian pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan mengenali zatmu, mengetahui sifat-sifatmu yang suci kudus dan nama-namamu yang indah-indah. Tiada satupun makhluk yang bernyawa seperti manusia dan binatang-binatang yang sanggup mengingkari kewajiban "wujud Mu", keluhuran sifatmu melalui jasad dirinya luaran dan dalaman. Tubuhnya terarah untuk melakukan tugas hidupnya, seperti putaran jarum jam yang bergerak rapi.. dengan anggota tubuh dan derianya yang dilengkapi oleh Allah dalam tubuhnya

dengan aturan yang sempurna, dengan pengimbangan yang amat peka dan memberi berbagai faedah yang amat berguna.

Seluruh anggota badannya dicipta dengan begitu teliti. Ciptaan ini diperkemas dengan penuh hikmah dan pemasangannya penuh seimbang. Oleh kerana penciptaan ini dilaksanakan dengan penuh teliti serta pemantauan yang baik, penuh hikmah yang seni serta penjiwaan terhadap setiap ciptaan itu yang penuh dengan kesempurnaan keseimbangan, diurus dan ditadbir pula dengan rapi, maka tidak mungkin kuasa yang lebih lemah, atau kuasa alam semula jadi, atau kuasa "kebetulan" mampu mencampuri urusan penciptaan yang maha rapi dan teliti seumpama ini.

Jika dikatakan alam ini terjadi dengan sendirinya maka ia adalah suatu perkara yang mustahil seratus kali mustahil. Ini kerana, setiap zarah di dalam penciptaan itu mesti mengetahui, melihat dan bekerja dalam proses kejadian jasadnya bahkan setiap yang berkaitan dengannya di dunia ini. Maka ia sudah pasti memiliki ilmu, kekuatan dan kuasa seumpama Allah. Justeru bolehlah menisbahkan pembentukan jasad itu kepadanya dan menyatakan bahawa alam ini terjadi dengan sendiri!!

Demikian juga, di sana tiada cara kelangsungan hidup yang umum buat semua makhluk. Di sudut pentadbiran, pengurusan, jenis, jantina, jalan fitrahnya (yang boleh kita saksikan persamaannya dalam bentuk umum seperti mata, telinga, mulut dan lain-lain) – dan di sudut penyatuan hikmat dalam kejadian mereka – yang dapat dilihat pada setiap individu dalam kumpulan yang sama: begitu juga sikap "rasa bersama" dan saling bergaul sesama mereka dalam kehidupan di alam maya ini. Semua ini bukti yang jelas atas keesaanmu. Ia adalah isyarat kepada "*ahadiyah* dalam *wahdaniyah*" dengan apa yang dimiliki oleh setiap makhluk ciptaannya untuk menjelmakan asma'ullah al-husna (أسماء الله الحسنى) yang terpamer di alam raya.

Demikian juga ratusan ribu makhluk dan haiwan yang hidup bersama manusia telah ditundukkan kepadamu, mereka dilatih dan dididik untuk patuh dan taat seumpama barisan tentera yang siap sedia. Setiap arahan RububiyahMu dilaksana dengan penuh teliti dan rapi, ini memperlihatkan darjat ketinggian RububiyahMu itu.

Makhluk-makhluk ini amat tinggi nilainya, dalam masa yang sama ia amat besar jumlahnya, tercipta dengan begitu pantas, namun ia amat sempurna, kejadiannya amat mudah dalam masa yang sama pembikinannya begitu teliti. Ini menunjukkan kebesaran qudratMu.

Rezeki dan keperluan makhluk-makhluk ini disampaikan dengan pantas meskipun mereka bertaburan di serata pelusuk alam timur dan barat, utara dan selatan.. bermula dari sekecil-kecil mikrob sehingga kepada haiwan yang paling besar.. dari sekecil-kecil serangga hingga kepada burung yang paling besar.. ini menunjukkan keluasan rahmatMu yang mutlak sifatnya.

Bumi pula sentiasa berubah wajah setiap musim bunga.. menjadi medan bagi makhluk-makhluk tersebut.. bertukar ganti dengan makhluk yang telah selesai khidmatnya pada musim yang sebelumnya, mereka menjalankan tugas yang disandang secara semulajadi. Mereka seumpama tentera yang patuh dan setia ketika diarah untuk bertugas semula. Kesemua ini menunjukkan kepada pemerintahNya yang mutlak.

Demikianlah.. haiwan-haiwan juga dengan jumlahnya yang amat banyak memberi isyarat tentang keluasan ilmuMu dan hikmahMu yang meliputi setiap perkara. Haiwan-haiwan ini umpama alam yang dikecilkan, dicipta dengan keilmuan yang amat mendalam, dengan hikmat yang amat teliti. Tiada percampuran antara jujuk-jujuk dan bahagian-bahagian mereka yang berbeza. Tiada kesilapan ciptaan. Tiada kecuaiian dan tiada kekurangan. Penciptaan mereka terlaksana dengan begitu indah dan seni. Ia merupakan mukjizat dalam penciptaan dan kesaktian dalam hikmat. Ia menunjukkan ketuhananmu dalam penciptaan yang amat halus dan indah ini. Inilah kejadian yang Engkau sukai ianya terpamer dan tersebar di maya pada ini.

Demikianlah.. kehidupan mereka ini disinambungkan dengan penuh rapi dan belas kasihan terutama mereka yang masih kecil. Setiap keperluan, keinginan dan cita-cita mereka dipenuhi. Ini menunjukkan kepada keindahan pemeliharaanNya yang tiada bertepi.

*Ya Rahman, Ya Rahim.
Ya Sadiq al wa'dil amin.
Ya Maliki yaumid din.*

Telah ku ketahui melalui didikan Nabimu yang mulia dan dari petunjuk al-Quran yang penuh hikmah bahawa:

Kehidupan ini adalah sebesar-besar hasil yang dipilih dalam alam semesta, roh pula adalah pati dalam kehidupan ini, mereka yang mempunyai jiwa dan perasaan dipilih pula dari sekalian makhluk yang mempunyai roh-roh, manusia adalah pemunya perasaan dan jiwa yang paling sempurna ciptaannya (maka ia dipilih).

Setiap makhluk di maya pada ini akur dan taat dan sentiasa berusaha untuk kelangsungan hidup ini. Makhluk yang hanya sekadar hidup ditundukkan dan dimanfaatkan oleh makhluk yang mempunyai jiwa dan perasaan. Bahkan mereka ini diciptakan untuk tujuan itu iaitu menjadi pembantu dan digunakan oleh manusia.

Manusia cintakan penciptanya secara fitrah. Allah pula menyayangi manusia dan sentiasa membimbing manusia agar menyintainya melalui berbagai wasilah. Manusia yang dilengkapi dengan anggota tubuhnya yang maknawi mampu merentas ke alam akhirat yang kekal dan kehidupan abadi di sana. Hati dan perasaannya sentiasa mengingini kehidupan yang kekal dan sentiasa berusaha ke arah itu. Lidahnya sentiasa basah menyebut dan berdoa kepada tuhanNya agar diberikan kehidupan yang abadi.

Maka tidak mungkin sama sekali manusia yang sifatnya dicintai dan mencintai Allah ini dimurkai, dimarahi dan dinafikan haknya dengan cara tidak membangkitkannya kembali selepas kematian. Mereka ini sememangnya diciptakan untuk "cinta" yang berkekalan, mereka diutus ke muka bumi ini untuk mereka ini merasai alam akhirat yang kekal abadi dan bahagia itu.

Nama-nama Allah yang indah (*asmaul husna*) pula terpamer dalam kejadian manusia. Mana-mana manusia yang menjadi cermin untuk memantulkan gambaran *asmaul husna* tersebut dalam kehidupan yang singkat ini, akan memperolehi jelmaan *asmaul husna* itu di akhirat yang kekal abadi, Ya.. kekasih yang tulus kepada yang kekal akan kekal, cermin yang berkhidmat untuk yang "kekal" juga pasti "kekal".

Sebagaimana yang difahami dari riwayat-riwayat yang sahih bahawa roh-roh binatang akan kekal selamanya. Roh-roh beberapa binatang tertentu dikekalkan di akhirat bersama jasad mereka. Contohnya Hud-Hud Nabi Sulaiman dan semut-semutnya, unta Nabi Soleh, anjing Ashabul Kahfi, satu dari setiap jenis haiwan ini akan dikekalkan jasadnya untuk digunakan di akhirat kelak.. hikmah, haqiqah, rahmah dan Rububiyah.. itulah yang menjadikan ia sedemikian..

Ya Qadir, Ya Qayyum..

Sesungguhnya semua kehidupan ini, semua makhluk yang mempunyai roh dan jiwa bertugas secara fitrah di bawah kerajaanMu. Mereka dikerah patuh kepada arahan-arahan rububiyahMu, dengan kekuatan dan kekuasaanMu yang esa, dengan iradatMu, tadbiranMu dan rahmatMu dan hikmatMu.

Sebahagian mereka pula ditundukkan kepada manusia dengan rahmatMu. Mereka tidak tunduk kepada manusia dengan kekuatan yang ada pada manusia bahkan mereka tunduk kerana kelemahan yang ada pada manusia secara fitrah. Setiap haiwan melaksanakan ibadah masing-masing yang telah dikhususkan untuknya, ia dilakukan dengan ungkapan dan perbuatan. Mereka bertasbih kepada pencipta, pembela dan tuhan mereka, pencipta ini sentiasa disucikan dari segala kekurangan dan syirik, manakala nikmat-nikmat dan pemberianNya pula sentiasa disyukuri.

Maha suci zatMu yang tersembunyi tetapi jelas maha suci zatMu yang terselindung di sebalik keagungan dan kebesaranMu.

Aku mengagungkan zat mu dengan segala tasbih makhluk yang mempunyai roh.. aku menyeru zatMu yang maha suci..

*Wahai yang menjadikan setiap sesuatu itu hidup dengan air!
Ya Rabbal alamin..*

Wahai tuhan bagi orang yang terdahulu dan terkemudian.. wahai tuhan di langit dan di bumi.

Aku telah mengetahui melalui didikan RasulMu yang mulia dan bimbingan dari al-QuranMu yang penuh hikmah, lalu aku beriman dengannya bahawa:

Sepertimana langit, angkasa raya, bumi, dataran, lautan, pokok, tumbuhan dan haiwan.. telah mengenaliMu dengan setiap diri, anggota tubuh dan sel-sel yang ada pada jasad mereka, mereka bersaksi atas sifat "*wujud*" Mu dan sifat "*wahdaniyah*" Mu. Mereka sentiasa menjadi bukti dan petunjuk ke arah itu. Maka demikian juga anbiya, auliya', solihin dan siddiqin yang merupakan intipati kemanusiaan dan manusia itu pula adalah intipati kepada alam sejarat ini. Mereka juga memperakui dan sentiasa memberitahu tentang sifat "*wujud*" Mu, *wahdaniyah* Mu dan "*ahadiyat*" Mu yang sememangnya suatu yang pasti. Ia merupakan satu perkhabaran yang qat'ie dengan kekuatan ratusan *ijma'* dan ratusan riwayat *mutawatir* yang disandarkan kepada penyaksian hati dan aqal mereka. Ia dibantu pula dengan kekuatan *kasyaf*, *ilham*, analisa, ketetapan hati dan aqal mereka itu tadi.

Perkhabaran yang mereka bawa tersebut diperkuatkan dengan mukjizat, karamah dan pembuktian yang benar-benar diyakini. Ya!.. sememangnya tiada di dalam hati manusia suatu paparan ghaib yang mendedahkan "zat" yang diperkhabarkan itu di dalam tabir ghaib.

Tiada juga terdapat suatu ilham yang mewajibkan melihat kepada "zat" yang telah diilhamkan itu. Tiada padanya suatu aqidah yang diyakini dan boleh mendedahkan sifat-sifatMu yang qudus suci dan nama-namaMu yang mulia dengan suatu paparan yang membawa kepada *haqqul yaqin*.

Para ambiya' dan auliya' bukanlah pemilik hati nurani yang mampu menyaksikan cahaya "*wajibul wujud*" secara "*ainul yaqin*". Demikian juga para siddiqin dan solehin bukanlah golongan yang mempunyai aqal bercahaya yang mampu mengesahkan tanda-tanda wajib wujudnya pencipta segala sesuatu dan memberi bukti keesaanmu dengan "*ilmul yaqin*" mereka. Kecuali mereka dapat melihat dengan suatu penyaksian, dan ada bukti. Mereka mampu memaparkan isyarat atas wajibnya "*wujud*" zatMu itu, atas sifat-sifat yang qudus lagi suci, juga atas keesaanMu dan ketunggalanMu dan atas "*asmaul husna*" yang engkau miliki.

Setiap mukjizat yang hebat, yang membenarkan setiap perkhabaran yang dibawa oleh penghulu seluruh anbiya', auliya', solehin dan siddiqiin iaitu Rasulullah s.a.w. setiap hakikat agung yang mempamerkan kebenaran nabi tersebut, setiap ayat-ayat tauhid yang

qat'ie di dalam al Quran yang merupakan mukjizat, penjelas, dan ringkasan terhadap sekalian kitab suci yang lain, semua perbahasan keimanan terhadapMu yang menjadi perbahasan sucinya.

Kesemua ini menjadi saksi, dalil dan bukti ke atas sifat "wujud" Mu yang wajib, ke atas sifat-sifat mu yang agung lagi suci, ke atas wahdaniatMu dan sifat ahadiatMu, ke atas "asmaul husna" mu dan sifat-sifat agung lain yang engkau miliki.

Demikian, seluruh pembawa perkhabaran yang benar ini yang jumlah mereka melebihi ratusan ribu, mereka juga bersandar kepada *mukjizat*, *karamat* dan hujah-hujah mereka yang ada, atas sifat *wujud* dan *wahdaniyyah*Mu.

Mereka menyebarkan dan menisbatkannya dengan ijma' dan persepakatan atas betapa tingginya rububiyahMu yang berlangsung bermula dari urusan-urusan umum dan besar di *Arash*. Dari sebuah pentadbiran yang menguasai setiap sesuatu sehinggalah kepada mengenal semua perkara halus dan tersembunyi, di dalam hati dan rahsia-rahsia hati, cita-citanya, impiannya, doa-doanya dan kepatuhan makhluk terhadap pemerintahnya dan pentadbirnya.

Mereka memaparkan betapa agungnya qudratmu yang menciptakan segala sesuatu dengan penuh kepelbagaian tanpa batas.. dihadapan mata kita semua dengan sekaligus.. mencipta makhluk yang terbesar dengan mudah dan dalam masa yang sama mencipta sekecil-kecil serangga tanpa ada konflik kedua-dua perbuatan dan penciptaan itu tadi.

Sepertimana mereka membawa perkhabaran dan diithbatkan pula dengan mukjizat dan hujah-hujah mereka, tentang kekuasaan rahmatmu yang mutlak, yang telah menjadikan alam semesta ini seumpama istana munif bagi makhluk yang mempunyai roh, khususnya manusia, maka melalui rahmat itu juga syurga dan kehidupan yang kekal abadi dan bahagia disediakan untuk jin dan manusia. Rahmatnya itu tidak pernah melupakan sekecil-kecil makhluk yang hidup di alam ini akan hak mereka. Rahmat inilah juga yang melembutkan hati-hati, membujuk dan menguatkan hati-hati yang lemah.

Mereka juga memberi bukti tentang keluasan pemerintahanmu yang mutlak di mana kesemua makhluk tunduk patuh kepada pemerintahnya dari zarah sehinggalah kepada

cakerawala di angkasa.. mereka mempersaksikan, menunjuk dan mengisyaratkan secara ijma' dan sepakat tentang ilmuMu yang meliputi segala sesuatu. Engkau telah menjadikan alam semesta ini seumpama sebuah buku besar yang mengandungi bab-babnya dan juzuk-juzuk mengikut bilangannya. Buku yang mencatatkan semua peristiwa dalam kejadian dan ciptaan di alam ini. Inilah yang terkandung dalam firmanNya " كتاب مبین " dan " إمام مبین ". Kedua-duanya itu mempamerkan catatan Luh Mahfuz. Ia menjadikan anak-anak benih sebagai indeks kepada pokok-pokok dan jalan kehidupan akan datang pokok-pokok tersebut. luh mahfuz ini jugalah yang telah menetapkan satu daya ingat dalam kepala setiap orang yang punya perasaan tentang sejarah hidup mereka sendiri dengan penuh teratur tanpa ada kesilapan.

Mereka juga mempersaksikan atas kesyumuluan hikmah agungMu meliputi setiap sesuatu. Hikmah yang telah meletakkan berbagai 'hikmah' dalam setiap makhluk yang dicipta. Sehingga Dia memberikan hikmah itu kepada sebatang pokok di setiap buah yang dihasilkannya. Ia telah menetapkan keperluan dan kepentingan berpadanan dengan jumlah setiap anggota tubuh seorang insan bahkan bagi setiap inci tubuhnya dan urat saraf yang memenuhi badannya itu. Di samping ia menjadikan lidah manusia petah berkata-kata dengan sejuta perkataan dan mempunyai berbagai kegunaan, ia juga telah membekalkan kepada lidah tersebut deria rasa terhadap berbagai jenis makanan.

Mereka juga mempersaksikan atas kewujudan jelmaan nama-nama Allah yang agung, indah dan mulia (yang jelas kesannya di dunia ini). Ianya berterusan dalam bentuk yang sangat indah, jelas dan terang selama-lamanya, tanda-tanda kebesaran dapat disaksikan terus-terusan di dunia yang fana ini dan di alam baqa' nanti pasti ia lebih indah dan bercahaya. Tanda-tanda kebesaran ini mengiringi perindumu yang telah memperoleh hubungan di dunia, maka di akhirat nanti mereka akan bertemankan tanda-tanda kebesaranmu lagi yang lebih hebat.

Rasulullah yang mulia juga bersandar kepada ratusan mukjizat yang hebat, Al-Quran al-Karim pula bersandar kepada ayat-ayatnya yang pasti. Sekalian anbiya yang memiliki jiwa-jiwa suci, para wali yang merupakan qutub-qutub yang memiliki hati-hati yang bercahaya, sekalian solehin yang memiliki aqal yang bersih.. mereka ini membawa

khobar gembira kepada para jin dan manusia tentang kehidupan kekal abadi dan memperingatkan mereka yang sesat tentang keperitan neraka Jahanam.

Mereka beriman dengan hal ini dan menjadi saksi terhadapnya berdasarkan kepada apa yang telah Engkau sebutkan berulang kali tentang janji baik dan buruk dalam semua kitab langit dan suhuf sucimu. Ia juga berdasarkan sifat-sifat mu yang agung lagi suci seperti "*qudrat*", "*rahmah*", "*inayah*", *hikmah*, *al-jalal*, *al-jamal*. Diperkukuh dengan ketinggian sifat "*jalal*"mu itu, dan kesultanan RububiyahMu. Mereka membawa khobar gembira dengan *musyahadah* dan *mukasyafah* yang mereka alami dan lalui, dengan aqidah yang kukuh dan *ainul yaqin*.

Ya Qadir, Ya Hakim, Ya Rahman, Ya Rahim, Ya Sadiq al wa'di amin, Ya Zal jalal, Ya Zal izzah wal 'azhamah

Keagunganmu adalah mutlak, zatMu mulia tinggi dan disucikan dari segala pendustaan sejumlah bilangan para waliMu yang benar dan janji-janjiMu yang berbagai, sifat-sifatMu yang tinggi dan keagungan ehwal zatMu yang suci.

Aku menyucikan keadilanMu, keindahan zatMu, keluasan rahmatMu yang tiada bertepi, ku sucikan ia dari kezaliman dan kekejian yang tiada penghujung. Aku ingin sekali mendendangkan dengan segenap zarah tubuhku ini akan ayat al Quran (al-Isra': 43) :

(سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُقُولُونَ عُلوًّا كَبِيرًا)

Bahkan para nabiMu yang benar, yang merupakan duta kerajaanMu yang sebenarnya, mereka bersaksi dan membawa khobar gembira, mereka menunjukkan kepada sekalian makhluk tentang khazanah rahmatMu di akhirat dan limpahan nikmatMu di alam baqa' – ia menyingkap jelmaan *asmaul-husna*Mu dengan sejelas-jelasnya di alam abadi nanti. Mereka mengajarkan sekalian hambaMu yang beriman bahawa obor yang paling marak untuk namaMu "*Al Haq*" yang menjadi tempat kembali sekalian hakikat dan pembelanya ialah hakikat perhimpunan agung (حَقِيقَةُ الْحَمِشْرِ الْكَبِيرِ) .

Wahai Tuhan para Nabi dan para Siddiqin.

Kesemua mereka tunduk dan bertugas di bawah pemerintahanMu, dengan arahan dan kehendakMu dengan ilmu dan hikmahMu. Mereka semua telah memeriahkan glob dunia ini dengan *taqdis, tasbih, takbir, tahmid* dan *tahlil*, dengan menjadikan bumi sebesar-sebesar tempat zikir dan alam semesta adalah sebesar-besar masjid untuk beribadah.

Wahai Tuhanku, Tuhan seluruh langit dan bumi..

Wahai penciptaku, Tuhan yang mencipta segala sesuatu..

Dengan kebenaran qudratMu, iradatMu, hikmatMu, pemerintahanMu dan rahmahMu yang telah menundukkan langit, bumi dan antara keduanya, sekalian makhluk dengan kepelbagaian bentuk dan jenisnya:

- Tundukkanlah diriku ini untukku.
- Tundukkanlah kehendakku kepadaku.
- Tundukkanlah hati manusia kepada Rasail An-Nur supaya mereka berkhidmat kepada Al-Quran dan keimanan.
- Berikanlah keimanan yang sempurna dan sebaik-baik kematian (*husnul khatimah*) kepadaku dan sahabat-sahabatku.
- Sepertimana Kau tundukkan api kepada Ibrahim a.s, sepertimana Kau tundukkan gunung ganang dan besi kepada Daud a.s., sepertimana Kau tundukkan manusia dan jin kepada Sulaiman a.s. Sepertimana Kau tundukkan matahari dan bulan kepada Muhammad s.a.w.
- Maka, Kau tundukkanlah hati-hati manusia kepada Rasail An-Nur.

Peliharalah diriku, dan penuntut-penuntut Rasail an-Nur dari kejahatan nafsu dan syaitan, dari azab kubur dan dari api neraka jahannam.. bahagiakanlah kami di syurga FirdausMu. Amin.. Amin.. Amin..

{ سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ }
{ دَعْوَاهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَأَخْرَجُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ }

Renungan ini kupetik dan sesuaikan dari Al-Quran Al-Karim dan dari Al-Jausyan Al-Kabir² yang merupakan *munajat nabawiyyah* – ku persembahkan ke gerbang tuhanku sebagai ibadah fikir. Jika aku tersilap dan tercuai maka kupohonkan perlindungan rahmatMu, aku menagih syafaat Al-Quran Al-Karim dan Al-Jausyan al kabir, ku pohon ampunMu dari setiap kelalaian dan kecuaianku.

² Al-Jausyan di sudut bahasa ialah perisai yang digunakan dalam peperangan untuk melindungi dada. Ia adalah himpunan *munajat nabawiyyah* yang amat indah diriwayatkan oleh Al-Imam Zainal Abidin r.a. Ia mengandungi doa-doa yang dihiasi nama-nama dan sifat-sifat Allah yang agung. Antara satu perenggan ke satu perenggan di selangi oleh zikir - Penterjemah: Ihsan Qasim Salihi